

**TEKS UCAPAN MAJLIS PERASMIAN**  
**PROGRAM THE INTELLECTUAL CONVENTION**  
**YBHG. PROF. DR. ASMADI BIN MOHAMED NAIM**  
**NAIB CANSELOR UniSHAMS**

**12 September 2021**

---

بسم الله الرحمن الرحيم

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh...

1. Yang Berbahagia, Dr. Rohani Binti Desa, selaku Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar Dan Alumni UniSHAMS.  
Yang Berusaha, Encik Mohd Marwan Bin Mohd Salleh, Pengarah Pusat Hal Ehwal Pelajar UniSHAMS.  
Yang Dikasihi, Saudara Muhammad Fadhli Bin Muhammad Nashid, Presiden Majlis Perwakilan Mahasiswa UniSHAMS.  
Yang Dikasihi, Saudari Siti Nayli Dhia Binti Zainal Abidin, Ketua Biro Akademik, Penyelidikan dan Kerjaya, Majlis Perwakilan Mahasiswa UniSHAMS merangkap Pengarah Progam The Intellectual Convention.  
Yang diraikan mahasiswa mahasiswi sekalian.  
Alhamdulillah, bersyukur kita kehadrat Allah SWT kerana dengan izin, limpah dan hidayahnya, maka kita bersama-sama dapat berkumpul pada malam ini dalam program The Intellectual Convention secara alam maya. Syukur juga kerana dengan izin-Nya saya dapat turut serta bersama dalam menjayakan program yang sangat bermakna ini.

Hadirin yang dikasihi sekalian,

2. Program The Intellectual Convention merupakan program berskala besar yang bermula pada malam ini, 12 September hingga 15 September 2021 iaitu selama 4 hari. Program yang bertemakan "*Empowering knowledge and intelligence*" ini merupakan program yang julung kalinya dianjurkan oleh Biro Akademik, Penyelidikan Dan Kerjaya, Majlis Perwakilan Mahasiswa (MPM) dengan kerjasama Pusat Hal Ehwal Pelajar (PHEP), Permuafakatan Akademik Persatuan Kulliyyah dan Pusat Pengajian UniSHAMS, dan juga dengan kerjasama dengan beberapa Institusi Pengajian Tinggi (IPT) seperti UniMAP,

UKM, UIAM, Majlis Perwakilan Pelajar USIM, UniSZA, UMK dan USAS serta kerjasama Malaysia Digital Economy Corporation (MDEC).

3. Saya dimaklumkan, program The Intellectual Convention ini merupakan sebuah program berbentuk ilmiah yang mempunyai beberapa slot tentang perkongsian dan perbincangan dari segi akademik, tentang isu semasa serta beberapa penganjuran pertandingan yang turut mempromosikan UniSHAMS secara tidak lansung kepada orang ramai. Melalui program ini juga dapat menggalakkan kegiatan ilmu secara holistik khusus kepada mahasiswa dan secara amnya kepada masyarakat luar.

Hadirin sekalian,

4. Di kesempatan ini, sebelum saya mengakhiri ucapan saya, sekali lagi saya mengucapkan terima kasih kepada pihak MPM kerana menjemput saya untuk merasmikan program pada malam ini. Saya juga ingin mengucapkan tahniah dan syabas kepada pihak MPM kerana telah berjaya melaksanakan program yang memfokuskan dari segi pengetahuan dan kecerdasan ilmu pengetahuan dan isu semasa walaupun hanya diadakan secara dalam talian. Hal ini menunjukkan bahawa sungguhpun kita berada dalam situasi yang mencabar akibat pandemik COVID-19, program sebegini dapat memberi pendedahan ilmu secara menyeluruh meliputi aspek akademik, pendidikan dan isu-isu semasa kepada mahasiswa serta masyarakat luar. Tambahan pula, pihak MPM mampu mewujudkan tenaga kerja yang kreatif dan inovatif dalam menyalurkan dari segi penyampaian dan perkongsian berilmiah melalui penganjuran program sebegini kepada orang ramai. Jadi jangan lepaskan peluang untuk sertai slot program selepas ini serta slot-slot yang akan datang sehingga hari Rabu ini kerana saya yakin jika anda semua melibatkan diri dalam kesemua slot yang dianjurkan oleh pihak pengajur, maka anda akan menjadi seorang mahasiswa yang proaktif, intelektual dan beridealisme. Semoga usaha seumpama ini dapat diteruskan lagi pada masa akan datang bagi mendepani keadaan yang semestinya lebih mencabar.

5. Akhir kalam, saya dengan ini merasmikan Program The Intellectual Convention dengan ucapan lafadz Bismillahirrahmanirrahim. Sekian sahaja ucapan saya.

Terima Kasih.

Wabillahi Taufik Walhidayah,

Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh

## **LAMPIRAN**

### **OBJEKTIF PROGRAM**

- i. Menjalinkan kerjasama dan hubungan baik antara Badan Bukan Kerajaan (NGO), Institusi Pengajian Tinggi (IPT) dan juga masyarakat luar.
- ii. Memberi pendedahan ilmu secara menyeluruh meliputi aspek akademik, pendidikan dan isu-isu semasa kepada mahasiswa serta masyarakat luar.
- iii. Melatih kemahiran berorganisasi dalam kalangan mahasiswa UniSHAMS untuk berdikari dalam melaksanakan sesuatu program yang berskala besar.
- iv. Memperkenalkan dan mempromosikan Pusat Pengurusan Siswazah dan Universiti Islam Antarabangsa Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah (UniSHAMS) amnya kepada orang ramai.
- v. Mewujudkan mahabbah ukhwah sesama mahasiswa bagi melahirkan mahasiswa yang proaktif, saling bekerjasama dan bersikap profesionalisme.

## **TENTATIF PROGRAM THE INTELLECTUAL CONVENTION**

<b>TARIKH</b>	<b>MASA</b>	<b>PROGRAM</b>
12 SEPTEMBER 2021 (AHAD)	8.30 – 9.00 Malam	MAJLIS PERASMIAN PROGRAM THE INTELLECTUAL CONVENTION Oleh: Prof. Dr. Asmadi Bin Mohamed Naim
	9.00 – 11.00 Malam	Slot 1 : LEADING ACADEMIC DISCUSSION Panel 1: Dr Sajiah Bin Yakob Panel 2: Prof. Dr. Mohamad Fauzan Bin Hj. Noordin
13 SEPTEMBER 2021 (ISNIN)	9.00 – 11.00 Malam	Slot 2 : FROM LECTURERS TO STUDENTS : BOOSTER ONLINE LEARNING 2.0 Panel 1: Prof Datuk Dr Harlina Halizah Bin Hj Siraj @ Hj Ramli Panel 2: Dr. Zaidi Bin Fadzil
14 SEPTEMBER 2021 (SELASA)	9.00 – 11.00 Malam	Slot 3 : THE RISE OF GIG ECONOMY Panel 1: Prof. Dr. Asmadi Bin Mohamed Naim Panel 2: Prof. Madya Ir. Ts. Dr. Muzammil Bin Jusoh Panel 3: Mohd Redzuan Affandi Abdul Rahim Moderator: Dr. Muhammad Baqir Bin Abdullah
15 SEPTEMBER 2021 (RABU)	8.30 – 10.30 Malam	Slot 4 : ROAD AFTER DEGREE Panel 1: Dr. Norhayati Binti Abdullah Panel 2: Encik Nur Muhammad As-siddiq Bin Mohammad Panel 3: Encik Ahmad Syafiq Bin Umar
	10.30 – 11.00 Malam	MAJLIS PENUTUPAN PROGRAM THE INTELLECTUAL CONVENTION Oleh: Prof. Madya Dr. Wan Nazjmi Bin Mohamed Fisol

<b>TARIKH</b>	<b>PERTANDINGAN</b>
5 – 14 SEPTEMBER 2021	1) Share Your ODL Story Contest (Close Participant) 2) 3-Min Book Review Challenge (Open Participant)